



ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BANKING, ACCOUNTING AND FINANCE
(AIJBAF)
www.aijbaf.com



**KESAN FAKTOR PENYEDERHANA PAKAR INDUSTRI
TERHADAP HUBUNGAN ANTARA CIRI-CIRI KOPERASI DAN
KUALITI PELAPORAN KEWANGAN TAHUNAN KOPERASI**

*THE MODERATING EFFECT OF INDUSTRY EXPERT TO THE RELATIONSHIP
BETWEEN COOPERATIVE CHARACTERISTICS AND ANNUAL FINANCIAL
REPORTING QUALITY*

Rusman Ghani^{1*}

¹ Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
Email: rusman@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 27.11.2021

Published date: 01.12.2021

To cite this document:

Ghani, R. (2021). Kesan Faktor Penyederhana Pakar Industri Terhadap Hubungan Antara Ciri-Ciri Koperasi Dan Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi. *Advanced International Journal of Banking, Accounting, and Finance*, 3 (9), 38-57.

DOI: 10.35631/AIJBAF.39004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Fokus utama Dasar Koperasi Negara 2011-2020 adalah untuk memastikan koperasi di Malaysia mematuhi perundangan koperasi. Kajian ini bertujuan untuk menguji hubungan antara ciri-ciri koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Pembolehubah bebas ciri-ciri koperasi yang diuji ialah saiz dan jenis perniagaan. Data kajian yang dipilih adalah laporan tahunan koperasi dan sebanyak seratus dua puluh laporan tahunan bagi tahun 2010 dan 2014 telah digunakan. Data dianalisis menggunakan analisa regresi multivariat dan regresi multivariat hierarki. Keputusan menunjukkan saiz dan jenis perniagaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi masing-masing pada tahap keyakinan sembilan puluh lima peratus dan sembilan puluh sembilan peratus. Keputusan analisa faktor penyederhana pakar industri menunjukkan kesan mempengaruhi hubungan antara jenis perniagaan dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi pada tahap keyakinan sembilan puluh lima peratus. Manakala faktor penyederhana pakar industri tidak menunjukkan kesan terhadap hubungan saiz koperasi dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Justeru dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri koperasi dan pakar industry merupakan elemen penting yang memberi pengaruh ke atas kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.

Kata Kunci:

Kualiti Pelaporan Kewangan, Faktor Penyederhana, Koperasi, Malaysia

Abstract:

The main focus of the National Cooperative Policy 2011-2020 is to ensure that cooperatives in Malaysia comply with cooperative legislation. This study aimed to test the relationship between the characteristics of the cooperative with the quality of the cooperative's annual financial reporting. The independent variables of the cooperative characteristics tested were the size and type of business. The selected study data is the annual report of the cooperative and a total of one hundred and twenty annual reports for 2010 and 2014 were used. Data were analysed using multivariate regression analysis and hierarchical multivariate regression. The results showed that the size and type of business had a significant relationship with the quality of the cooperative's annual financial reporting at the ninety five percent and ninety nine percent confidence levels, respectively. The results of the moderating factor analysis of industry experts showed the effect of the relationship between business type and the quality of cooperative's annual financial reporting at a confidence level of ninety five percent. While the moderating factor of industry experts did not show an effect on the relationship between the size of the cooperative and the quality of the cooperative's annual financial reporting. Thus, it can be concluded that the characteristics of cooperatives and industry experts are important elements that influence the quality of annual financial reporting of cooperatives in Malaysia.

Keywords:

Financial Reporting Quality, Moderating Factor, Cooperative, Malaysia

Pengenalan

Tujuan utama laporan tahunan koperasi dibuat adalah untuk membekalkan maklumat kepada anggota koperasi bagi menilai prestasi dan pencapaian koperasi sepanjang tahun kewangan serta digunakan sebagai panduan untuk merancang masa depan operasi koperasi. Pelaporan tahunan koperasi yang berkualiti merupakan satu cara komunikasi penting kepada pengguna-pengguna laporan tahunan dalam membuat keputusan ekonomi dan mengurangkan ketidaksamarataan maklumat (Marston, 2003; Al-Shammari et al., 2008; Nor Asyiqin et al., 2010; Chen, Hope, Li, dan Wang, 2011; Zainab, Teh Suhaila dan Sarifah, 2014). Maka, koperasi seharusnya menyediakan laporan tahunan yang mengandungi maklumat lengkap dan berguna bagi anggota koperasi menyumbang idea dan cadangan yang bernas dalam MAT yang diadakan bagi memantapkan lagi pengurusan koperasi seterusnya meningkatkan prestasi koperasi secara keseluruhan.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan penelitian surat-surat teguran daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang dimasukkan di dalam laporan tahunan koperasi-koperasi dari tahun 2006 hingga 2014 menunjukkan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Ini selaras dengan hasil kajian oleh penyelidik terdahulu,

Nor Asyiqin et al. (2010) menunjukkan bahawa laporan tahunan teraudit koperasi di Malaysia masih belum mencapai kualiti pelaporan tahunan yang diharapkan. Selain itu, kelemahan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi ini mungkin disebabkan oleh piawai pelaporan penyata kewangan yang disediakan dan diwajibkan ke atas syarikat-syarikat di Malaysia tidak diwajibkan kepada sektor koperasi dan ini menyebabkan garis panduan untuk penyediaan laporan tahunan koperasi adalah terhad dan tidak konsisten (Nor Asyiqin et al., 2010). Hal ini akan memberikan kesan yang ketara kepada kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi serta persepsi negatif kepada anggota-anggota koperasi dan masyarakat untuk membuat keputusan pelaburan dalam sektor koperasi.

Di samping itu, Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) ketika itu (kini dikenali sebagai SKM) mendapati bahawa laporan tahunan koperasi tidak disediakan mengikut format yang betul dan terkini. Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2005 ini telah digantikan dengan Garis Panduan 23 (GP23): Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi pada tahun 2012 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2013. Hal ini juga menjadi masalah utama kepada koperasi terutamanya koperasi-koperasi kecil yang sukar menyediakan laporan tahunan seperti yang dikehendaki oleh SKM disebabkan kurang kepakaran dan pengetahuan berkaitan penyediaan laporan tahunan. Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang dirangka oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan SKM ada menyatakan fokus utama dasar ini adalah bagi memastikan koperasi patuh kepada perundangan koperasi. Berdasarkan kepada fenomena di atas, ini membuktikan bahawa terdapat isu berkaitan kualiti pelaporan tahunan yang dihadapi oleh sektor koperasi di Malaysia.

Hasil penelitian literatur juga mendapati bahawa faktor juruaudit luar yang mempunyai pakar industri (pakar industri) telah diuji sebagai faktor penyederhana (moderator) seperti kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) yang mengkaji kualiti audit oleh 12,783 laporan kewangan syarikat dari tahun 2000 hingga 2005 dengan menggunakan data daripada pangkalan data Audit Analytics dan Compustat. Kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) ini mengkaji hubungan antara tempoh lantikan juruaudit dan kualiti audit dipengaruhi oleh faktor penyederhana pengkhususan juruaudit (pakar industri). Baron dan Kenny (1986) mencadangkan pembolehubah penyederhana boleh digunakan jika wujud hubungan yang kuat atau tiada hubungan sama sekali. Berdasarkan kepada cadangan Baron dan Kenny (1986), faktor pakar industri (PI) dipilih sebagai faktor penyederhana. Dalam praktis penyediaan laporan tahunan koperasi juga, masih banyak laporan tahunan koperasi yang disediakan oleh pihak juruaudit luar koperasi. Oleh itu adalah bertepatan dengan peranan juruaudit luar yang berperanan untuk menyediakan laporan tahunan koperasi, maka pemilihan faktor PI adalah bersesuaian. Di samping itu, kajian ini merupakan kajian awal terhadap kesan pembolehubah penyederhana terhadap hubungan antara ciri-ciri koperasi dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Maka, kajian ini akan memfokuskan isu kualiti pelaporan kewangan tahunan bagi sektor koperasi.

Persoalan Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut :

1. Adakah terdapat perhubungan antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia?
2. Apakah pakar industri boleh menjadi faktor penyederhana (moderating factor) antara hubungan ciri-ciri koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia?

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan penjelasan menyeluruh berkenaan dengan isu kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Untuk mengkaji perhubungan antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.
2. Untuk menentukan sama ada pakar industri boleh menjadi faktor penyederhana (moderating factor) antara hubungan ciri-ciri koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.

Sorotan Literatur

Kajian berkenaan kualiti pelaporan tahunan hanya banyak tertumpu kepada sektor korporat dan awam di seluruh dunia seperti kajian oleh Yousef Al-Tahat (2010), Hermalin dan Weisbach (2012), Owusu-ansah (1998, 2005), Sejjaka (2004), El-Gazzar, Finn dan Jacob (1999), Al-Shammari, Brown dan Tarca (2008), Mohamed Aly (2008), Ball, Jayaraman dan Shivakumar (2012), Tsalavoutas, Evans dan Smith (2010), Yeoh (2005), Glaum dan Street (2003), Al-shammari (2005), Craig dan Diga (1998), Akhtaruddin (2005), Street dan Gray (2002), Ismail (2002). Kajian berkenaan kualiti pelaporan tahunan di Malaysia adalah seperti kajian oleh Engku Ismail (2010) dan Coombs dan Mohamad (1998), yang mengkaji di sektor awam, manakala kajian yang dilakukan oleh Ku Nor Izah dan Shamsul Nahar (1999), Lily Marlina dan Takiah (2003) dan Haniffa dan Cooke (2002), yang mengkaji di sektor korporat.

Kajian-kajian lalu telah menjelaskan beberapa ciri-ciri organisasi yang boleh mempengaruhi kualiti pelaporan tahunan. Antaranya adalah faktor-faktor leveraj, saiz firma, keuntungan, kecairan, pemilikan, umur tersenarai, saiz firma audit (Agboola & Salawu, 2012), faktor-faktor saiz, umur, jenis perniagaan dan keuntungan (Akhtaruddin, 2005), faktor-faktor saiz firma, leveraj dan keuntungan (Al-Mansour (2009), faktor-faktor saiz firma, leveraj, kepelbagaian pemilikan, umur, margin keuntungan, pulangan ke atas ekuiti, kecairan, jenis perniagaan dan saiz firma audit (Alsaeed, 2006) dan faktor-faktor negara asal syarikat, saiz, leveraj, kecairan, keuntungan, jenis firma audit, syarikat antarabangsa, jenis perniagaan, penyebaran pemilikan dan umur syarikat (Al-Shammari et al., 2008). Selain itu, kajian oleh Ahmet dan Serife (2007) yang mengkaji faktor-faktor saiz firma, leveraj, saiz firma audit, struktur pemilikan, keuntungan dan pemilikan antarabangsa mendapati amalan pendedahan maklumat kewangan sukarela adalah berbeza antara industri. Seterusnya, Ailwan, Katrib dan Samara (2013) pula mengkaji faktor-faktor kelayakan akademik, tahun pengalaman, jawatan dan aktiviti syarikat

yang berhubungan dengan pendedahan mandatori di Jordan. Basuony dan Mohamed (2014) pula mengkaji faktor-faktor saiz firma, keuntungan, leveraj, jenis perniagaan dan saiz firma audit terhadap pendedahan kewangan internet oleh syarikat-syarikat tersenarai di Arab Saudi dan Oman.

Berdasarkan kajian empirikal yang lalu, kualiti pelaporan tahunan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu kualiti dari segi pendedahan (Engku Ismail, 2010; Norhayati, 2011; Yousef Al-Tahat, 2010), ketepatan masa (Norhayati, 2011; Yousef Al-Tahat, 2010), pematuhan (Hopkins, Maydew dan Venkatachalam, 2014), pengurusan perolehan, penilaian semula kewangan dan ketepatan masa (Barth, Landsman dan Lang, 2007), kualiti pendapatan (Madawaki, 2012), ketelusan dan objektiviti (Cohen, Krishnamoorthy dan Wright, 2004) dan ciri-ciri kualitatif : relevan dan perwakilan setia (Beest et al., 2009).

Tujuan Pendedahan Maklumat

Teori agensi menegaskan bahawa pendedahan maklumat boleh mengurangkan kos agensi dalam hubungan antara pemegang saham, pihak yang menyediakan dana, pihak pengurusan dan pihak yang membuat keputusan operasi (Jensen & Meckling, 1976). Tujuan utama pendedahan maklumat kewangan adalah untuk membantu pengguna laporan kewangan dalam membuat keputusan (Beest et al., 2009; Md Tanvir dan Md Zakir, 2015; Norhayati, 2011), mematuhi keperluan undang-undang terhadap pelaporan maklumat kewangan (Engku Ismail, 2010), memastikan supaya pihak-pihak yang berkepentingan seperti pekerja, pelabur, pemegang saham dan juga orang awam menerima maklumat kewangan yang berkualiti tinggi pada masa yang tepat agar mereka boleh membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan dengan baik (Hussein, Yazis dan Faizal, 2015), memberikan maklumat yang berguna dan relevan kepada semua pihak-pihak berkepentingan (Saravanakumar, Mahadevan, Subramaniam dan Aarthy, 2012), mematuhi peraturan-peraturan dan nilai-nilai sosial (Adina dan Ion, 2008) dan menjadi alat yang berguna kepada pengurus untuk menyampaikan maklumat kepada pelabur (Popova et al., 2013), menyediakan maklumat yang berguna mengenai kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah koperasi kepada pelbagai pengguna untuk membuat keputusan ekonomi dan tindakan berasaskan perundangan mana-mana yang relevan (SKM, 2012a).

Kajian ini menggunakan tujuan pelaporan maklumat kewangan yang dinyatakan oleh SKM dalam Garis Panduan 23 (GP 23) : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi selaras dengan tujuan pelaporan maklumat kewangan yang dinyatakan oleh penyelidik-penyelidik lain sebelum ini seperti Beest et al. (2009); Engku Ismail (2010); Hussein et al. (2015); Norhayati (2011) dan Saravanakumar et al. (2012). GP 23 adalah berbeza dengan standard-standard perakaunan lain. GP 23 menggariskan panduan yang menyeluruh terhadap semua item dalam laporan tahunan koperasi manakala standard perakaunan memberikan garis panduan yang memfokuskan kepada setiap satu item yang ada dalam laporan tahunan. Oleh itu standard perakaunan lebih fokus dan terperinci terhadap setiap item yang dinyatakan.

Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi

Kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi ditakrifkan sebagai pendedahan maklumat mandatori (kewangan dan bukan kewangan) dan pendedahan maklumat sukarela (maklumat

tanggungjawab sosial dan alam sekitar) sebagai alat pengukuran pendedahan maklumat dalam laporan tahunan koperasi yang mempunyai darjah kecemerlangan yang tinggi yang berguna untuk pembuatan keputusan. Takrifan ini selaras dengan definisi yang diberikan dalam kamus dewan edisi keempat dan Beest et al. (2009).

Pendedahan maklumat mandatori adalah merujuk kepada maklumat kewangan dan bukan kewangan yang wajib dilaporkan dan dimasukkan dalam laporan tahunan teraudit koperasi yang mematuhi undang-undang koperasi, peraturan-peraturan koperasi, pekeliling-pekeliling SKM. Bagi sektor koperasi, undang-undang adalah merujuk kepada Akta Koperasi 1993. Manakala peraturan-peraturan koperasi adalah merujuk kepada Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan 2010. Pekeliling-pekeliling SKM adalah merujuk kepada Garis Panduan 23 (GP23): Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

Pendedahan maklumat sukarela pula adalah merujuk kepada pendedahan maklumat kewangan dan bukan kewangan tanggungjawab sosial dan alam sekitar yang dilaporkan di dalam laporan tahunan teraudit koperasi.

Saiz

Saiz organisasi adalah petunjuk penting terhadap tingkahlaku penyediaan laporan korporat (Hasan & Hosain, 2015). Salah satu tingkahlaku dalam penyediaan laporan korporat adalah berkaitan dengan tahap pendedahan maklumat kewangan. Apabila saiz firma semakin meningkat, maka modal daripada luar diperlukan di mana syarikat akan mendedahkan maklumat dengan lebih menyeluruh dalam laporan kewangan yang diterbitkan bagi mendapatkan modal pada kos yang lebih rendah (Popova et al., 2013).

Teori agensi mengandaikan bahawa firma yang besar mempunyai kos agensi yang tinggi (Jensen & Meckling, 1976). Namun, saiz firma adalah penting bagi syarikat memperoleh modal dan disebabkan itu terdapat tekanan dan jangkaan daripada pemegang saham serta pelabur untuk meningkatkan tahap pendedahan maklumat dalam laporan kewangan (Yousef Al-Tahat, 2010). Teori agensi juga menyatakan bahawa syarikat yang lebih besar memerlukan modal luar yang lebih besar yang akan melibatkan kos agensi yang tinggi disebabkan konflik faedah berlaku antara pemegang saham dan pengurus (Mohd Noor Azli et al., 2006). Oleh itu, bagi mengurangkan kos agensi, syarikat yang lebih besar akan mendedahkan maklumat lebih daripada syarikat kecil (Hasan & Hosain, 2015) seterusnya mengelakkan ketidakseimbangan maklumat (Mohd Noor Azli et al., 2006).

Selain itu, syarikat yang lebih besar mempunyai sumber seperti kewangan, staf dan aset yang mencukupi untuk digunakan (Alsaeed, 2006; Al-Shammari et al., 2008; Hasan & Hosain, 2015) dan mampu membiayai kos menghasilkan maklumat bagi pengguna laporan tahunannya serta mendedahkan lebih banyak maklumat untuk memenuhi keperluan penggunaanya yang pelbagai (Galani et al., 2011 dan Giannarakis, 2014).

Dalam kajian ini, saiz koperasi dijangka boleh mempengaruhi kualiti pelaporan tahunan yang diterbitkan oleh koperasi. Berdasarkan teori agensi, saiz koperasi yang lebih besar akan mendedahkan maklumat yang lebih banyak daripada koperasi bersaiz kecil bagi mengurangkan

ketidaksamarataan maklumat yang seterusnya akan mengurangkan kos agensi. Secara ringkasnya, jika saiz koperasi besar, maka, jumlah maklumat akan lebih banyak dilaporkan dan seterusnya dapat mengurangkan konflik diantara anggota-anggota dan pengurus koperasi.

Berdasarkan literatur lepas, pelbagai jenis dan cara boleh digunakan bagi mengukur saiz sesebuah organisasi. Oleh itu, dalam kajian ini saiz koperasi diukur berdasarkan kepada jumlah aset koperasi.

Berdasarkan kepada dapatan kajian lepas dan teori agensi, maka, kajian ini menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan antara saiz koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Justeru, hipotesis berikut dibentuk:

H₁: *Saiz koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.*

Jenis Perniagaan

Jenis perniagaan dipilih sebagai pembolehubah bebas untuk menentukan kualiti pelaporan tahunan kerana pendedahan maklumat adalah berbeza daripada satu jenis perniagaan dengan perniagaan yang lain (Galani et al., 2011). Amalan perniagaan yang berkaitan boleh membawa kepada perbezaan tahap pendedahan pada item yang sama di dalam laporan kewangan yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat dalam perniagaan yang berbeza (Al-Shammari et al., 2008). Bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dijangka mempunyai tahap pendedahan maklumat yang lebih tinggi kerana keperluan tahap pendedahan maklumat laporannya dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989.

Selain itu, menurut Bozzolan, Favotto, & Ricceri (2003) bagi industri yang mempunyai kepelbagaian untuk berubah pada masa hadapan dan kebolehan untuk meramal keputusan adalah sukar, permintaan terhadap pendedahan maklumat adalah lebih besar terutamanya bagi industri berteknologi tinggi. Ini adalah kerana syarikat jenis ini memerlukan modal yang lebih daripada pelabur untuk mendapatkan modal intelektual seperti sumber manusia dan pengetahuan. Maka, pengurus industri seperti ini akan lebih mendedahkan maklumat tambahan kepada pihak-pihak berkepentingan.

Justeru, dalam kajian ini, faktor jenis perniagaan koperasi dipilih sebagai pembolehubah bebas yang dijangka mempengaruhi kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi kerana jenis perniagaan koperasi boleh menyebabkan perbezaan dalam kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Koperasi yang terlibat dalam jenis perniagaan yang sama akan cenderung untuk menggunakan prosedur perakaunan yang sama.

Dalam kajian ini, jenis perniagaan koperasi diukur dengan mengelaskan kepada dua jenis sahaja iaitu jenis perniagaan berbentuk kredit dan bukan kredit. Jenis perniagaan kredit adalah koperasi yang aktiviti utamanya adalah memberi perkhidmatan pinjaman wang (pinjaman peribadi) kepada anggota-anggotanya. Jenis perniagaan bukan kredit adalah pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembangunan, pengangkutan dan perkhidmatan.

Hasil kajian oleh Ezat & El-Masry (2008), Nor Asyiqin et al. (2010), Giannarakis (2014) dan Hasan dan Hosain (2015) mendapati terdapatnya hubungan yang signifikan antara jenis perniagaan syarikat yang menawarkan perkhidmatan dengan kualiti pelaporan maklumat kewangan. Kajian-kajian lepas juga ada menemui bahawa hubungan antara jenis perniagaan dan tahap pendedahan maklumat adalah tidak signifikan seperti kajian oleh Larran & Giner (2002) dan Bozzolan et al. (2003).

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini menjangkakan terdapatnya hubungan yang signifikan antara jenis perniagaan koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Justeru, hipotesis berikut dibentuk:

H₂ : *Koperasi yang menjalankan jenis perniagaan kredit mempunyai tahap pelaporan tahunan yang lebih berkualiti berbanding dengan koperasi yang menjalankan jenis perniagaan lain.*

Faktor Penyederhana (Moderator Factor): Pakar Industri

Pakar industri dalam kajian ini didefinisikan sebagai juruaudit luar yang mempunyai lesen audit yang dikeluarkan oleh SKM sahaja dan hanya dibenarkan khusus untuk mengaudit koperasi sahaja. Juruaudit luar yang mempunyai kedua-dua lesen audit koperasi dan syarikat adalah bukan diklasifikasikan sebagai juruaudit luar yang mempunyai pakar industri sektor koperasi.

Juruaudit luar yang menjadi pakar industri melabur masa dan sumber kewangan (Habib & Bhuiyan, 2011) untuk melatih kakitangan agar fokus dalam industri yang khusus bagi meningkatkan kualiti audit dan pelaporan kewangan (Lim et al., 2010). Oleh itu, kakitangan audit yang bekerja dengan juruaudit luar yang menjadi pakar industri mempunyai peluang yang tinggi untuk memperoleh kepakaran dalam industri tersebut berbanding dengan kakitangan yang bekerja dengan juruaudit luar yang tidak menjadi pakar industri.

Juruaudit luar yang menjadi pakar industri juga mampu memberikan perkhidmatan audit berkualiti tinggi berbanding dengan juruaudit luar yang tidak menjadi pakar industri (Krishnan, 2003). Juruaudit luar yang menjadi pakar industri akan mendidik dan membantu kakitangan dengan pengetahuannya yang luas di dalam industri tertentu berkaitan dengan jenis perniagaan, operasi dan risiko klien (Bell, Peecher, & Solomon, 2005). Juruaudit luar yang menjadi pakar industri juga dilihat tidak mudah untuk ditipu oleh pihak pengurusan (Solomon, Shields, & Whittington, 1999).

Faktor juruaudit luar yang menjadi pakar industri bukan sahaja dikaji berhubungannya secara terus dengan kualiti audit laporan kewangan malahan juga dianalisa sebagai faktor penyederhana (moderator) dalam kajian lepas seperti kajian oleh Lim, Tan, & Cheng (2010) yang menjadikan juruaudit luar yang menjadi pakar industri sebagai faktor penyederhana. Lim, Tan, & Cheng (2010) dalam kajian mereka mendapati faktor juruaudit luar yang menjadi pakar industri sebagai faktor penyederhana adalah tidak signifikan. Pakar industri yang dimaksudkan adalah juruaudit luar yang menjalankan kerja-kerja audit terhadap syarikat mengikut industri tertentu seperti kewangan, pengilangan, perkhidmatan, peruncitan dan lain-lain. Dalam kajian ini,

sektor koperasi juga adalah sebagai satu jenis badan perniagaan yang berlainan dari segi struktur organisasinya dan penubuhannya juga adalah di bawah akta yang berlainan dengan syarikat iaitu Akta Koperasi 1993. Oleh itu, koperasi juga dianggap satu badan perniagaan khusus yang memerlukan juruaudit luar memahami organisasi koperasi sebagai sebuah badan perniagaan yang mempunyai struktur organisasi dan tadbir urus yang berbeza dengan sesebuah syarikat.

Kajian oleh Balsam, Krishnan, & Yang (2003), Krishnan (2003) dan Lim, Tan, & Cheng (2010) mendapati bahawa hubungan antara juruaudit luar yang menjadi pakar industri dan kualiti audit adalah signifikan. Ini bermakna, juruaudit luar yang menjadi pakar industri boleh mempengaruhi kualiti laporan kewangan tahunan yang disediakan selepas proses pengauditan dijalankan. Kajian oleh He (2015) juga mendapati bahawa hubungan antara juruaudit luar yang menjadi pakar industri dan kualiti audit adalah signifikan.

Keputusan analisis hubungan daripada kajian-kajian lepas antara ciri-ciri koperasi dan kualiti pelaporan tahunan adalah bercampur-campur dan tidak konsisten, oleh itu adalah dijangkakan terdapat faktor lain yang mempengaruhi hubungan antara kedua-dua pembolehubah bebas ciri-ciri koperasi dan pembolehubah bersandar kualiti pelaporan tahunan. Baron & Kenny (1986) mengatakan berdasarkan kepada analisis keputusan kajian yang bercampur-campur dan tidak konsisten, adalah sesuai faktor penyederhana diperkenalkan. Oleh itu, pembolehubah juruaudit luar yang menjadi pakar industri sebagai faktor penyederhana dipilih berdasarkan kepada kajian lepas oleh Lim, Tan dan Cheng (2010). Pakar industri dipilih sebagai faktor penyederhana adalah kerana juruaudit luar yang menjadi pakar industri dilihat akan menjaga reputasinya (Lim, Tan, & Cheng, 2010) dan dapat membantu koperasi untuk menyediakan laporan tahunannya yang lebih berkualiti.

Oleh itu, kajian ini akan mengembangkan pembolehubah juruaudit luar yang mempunyai pakar industri sebagai faktor penyederhana kepada hubungan antara pembolehubah ciri-ciri koperasi dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Oleh kerana kajian ini merupakan antara kajian awal dalam sektor koperasi, adalah sesuai ianya diperkenalkan untuk melihat sejauhmana kesannya sama ada boleh mempengaruhi hubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar kajian. Justeru, hipotesis berikut dibentuk:

H₃: *Hubungan antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi akan lebih signifikan apabila juruaudit luar adalah pakar industri.*

Metodologi Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi dan menentukan sama ada faktor ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan tahunan yang dikeluarkan oleh sampel kajian. Kajian ini juga ingin mengkaji sama ada pakar industri boleh menjadi faktor penyederhana bagi hubungan antara faktor ciri-ciri koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Oleh kerana kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui kualiti pelaporan tahunan yang diterbitkan oleh koperasi dan menguji faktor yang mempengaruhinya,

maka kaedah data sekunder adalah sesuai digunakan seperti yang disarankan oleh Zikmund (2003). Kaedah data sekunder telah dipilih kerana ia lebih sesuai dan ekonomi, terutamanya dalam keadaan sampel yang berada dalam sempadan geografi yang berselerak. Melalui kaedah data sekunder, laporan kewangan tahunan teraudit koperasi digunakan sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data-data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian. Pemilihan laporan kewangan tahunan teraudit koperasi dipilih bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah sah dan boleh dipercayai memandangkan laporan tersebut telah melalui proses pengauditan oleh juruaudit bertauliah dan telah dihantar kepada pihak SKM untuk mendapat pandangan dan komen serta telah dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan koperasi.

Analisis kandungan adalah kaedah penyelidikan yang paling biasa digunakan untuk menilai pendedahan maklumat sosial dan alam sekitar organisasi (Milne dan Adler, 1999). Oleh itu kajian ini akan menggunakan analisis kandungan laporan tahunan koperasi sebagai metod pengumpulan data pendedahan maklumat pelaporan tahunan serta pembolehubah bebas yang akan dikaji.

Populasi Dan Sampel Kajian

Unit analisis bagi kajian ini adalah organisasi koperasi. Justeru, semua koperasi yang berdaftar di bawah SKM di Malaysia adalah merupakan populasi bagi kajian ini. Mengikut laporan tahunan SKM 2014, statistik koperasi yang berdaftar di Malaysia bagi tahun berakhir 2014 adalah sebanyak 11,871 buah. Bagaimanapun, dua daripadanya adalah daripada koperasi industri perbankan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Persatuan Berhad. Koperasi-koperasi ini adalah dikawalselia dan tertakluk kepada peraturan khas, Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kedua-duanya dikeluarkan daripada senarai statistik koperasi menjadikan keseluruhan jumlah koperasi berdaftar bagi tahun 2014 adalah sebanyak 11,869 buah manakala jumlah koperasi berdaftar bagi tahun 2010 adalah sebanyak 8,144 buah koperasi selepas dua bank koperasi tersebut dikeluarkan.

Sampel kajian ini dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) dengan hanya memilih koperasi kluster besar sahaja. Oleh itu, dengan teknik persampelan bertujuan ini, maka jumlah koperasi kluster besar sebanyak 184 buah pada tahun 2014 dan 122 buah pada tahun 2010 (selepas 2 bank koperasi dikeluarkan) menjadi jumlah populasi bagi tujuan kajian ini. Koperasi kluster besar sahaja dipilih kerana koperasi kluster besar mewakili 94.6% daripada jumlah perolehan keseluruhan sektor koperasi pada tahun 2014 dan 84.5% pada tahun 2010.

Maka, bilangan sampel akhir bagi kajian ini adalah sebanyak 60 sampel bagi setiap tahun 2014 dan 2010 menjadikan jumlahnya adalah 120 sampel keseluruhannya.

Keputusan Kajian Dan Perbincangan

Pengujian Hipotesis

Secara keseluruhannya, tiga hubungan hipotesis telah diuji dalam kajian ini. Analisis regresi multivariat dan analisis regresi multivariat hierarki dijalankan bagi menguji hipotesis yang telah dibina setelah melepasi syarat semua andaian-andaian multivariat. Dalam kajian ini, tiga hipotesis telah dibangunkan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan.

Hasil Analisis Regresi Multivariat

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis regresi multivariat dan ringkasan model bagi kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi serta hubungannya dengan ciri-ciri koperasi.

Jadual 1 : Keputusan Analisis Regresi Multivariat (KUALITI)

Pembolehubah	B	Statistik-t	Nilai P
Malar		17.033	0.000
(H ₁) Saiz	0.258	2.591	0.011*
(H ₂) JNiaga	0.319	3.110	0.002**
Ringkasan Model :			
R ²	0.380		
R ² Terlaras	0.339		
Statistik F	9.299		
F Sig	0.000		
Sampel	98		

* tahap keyakinan pada 0.05, 2 hujung

** tahap keyakinan pada 0.01, 2 hujung

Jadual 1 di atas menunjukkan hasil ujian regresi multivariat. Model regresi yang diuji adalah signifikan pada nilai $R^2 = 0.380$, R^2 terlaras = 0.339, $F = 9.299$ dan signifikan = 0.000. Merujuk kepada nilai R^2 , didapati bahawa pembolehubah bebas dalam model tersebut dapat menerangkan 38 peratus variasi dalam kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa satu pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.05$ iaitu saiz dengan nilai beta 0.258 manakala satu pembolehubah bebas jenis perniagaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.01$ dengan nilai beta 0.319.

Hubungan Saiz Koperasi dengan Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara saiz koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hipotesis kajian adalah seperti di bawah.

Hipotesis 1: *Saiz koperasi mempunyai hubungan signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.*

Kajian ini menjangkakan saiz sesebuah koperasi mempunyai hubungan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa saiz sesebuah koperasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi (H_1). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai saiz yang lebih besar adalah dijangka mempunyai kualiti pelaporan kewangan tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang mempunyai saiz yang lebih kecil.

Keputusan analisis bagi pembolehubah saiz ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 yang mempunyai hubungan signifikan pada aras keyakinan 95% dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.258, nilai $t = 2.591$ dan nilai $p = 0.011$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_1 yang dibentuk pada aras $p < 0.05$. Ini bermakna setiap peningkatan dalam unit saiz koperasi akan meningkatkan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai keputusan yang kuat untuk menjelaskan hubungan antara faktor saiz dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Pembolehubah saiz dalam kajian ini diukur berdasarkan kepada jumlah aset dan ia dihipotesiskan sebagai mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Berdasarkan keputusan analisis kajian yang diperolehi ini, terdapat bukti empirikal yang menyokong hipotesis 1 yang dibentuk di mana pembolehubah saiz mempunyai hubungan yang signifikan pada aras keyakinan $p < 0.05$ dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.

Hubungan Jenis Perniagaan Koperasi dengan Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi

Seksyen ini membincangkan hasil analisis kajian berkaitan hubungan di antara jenis perniagaan koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 2: *Jenis perniagaan koperasi mempunyai hubungan signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.*

Dari segi faktor jenis perniagaan (JNiaga) pula, kajian ini menjangkakan jenis perniagaan koperasi kredit mempunyai hubungan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunannya. Hipotesis alternatif kajian ini mengandaikan bahawa jenis perniagaan sesebuah koperasi kredit mempunyai hubungan yang positif dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan (H_2). Ini bermakna sesebuah koperasi yang mempunyai jenis perniagaan kredit adalah dijangka mempunyai kualiti pelaporan kewangan tahunan yang lebih baik berbanding dengan jenis perniagaan koperasi yang bukan kredit.

Keputusan analisis bagi pembolehubah jenis perniagaan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, mempunyai hubungan yang signifikan pada aras keyakinan 99% dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hasil analisis menunjukkan nilai koefisien Beta = 0.319, nilai $t = 3.110$ dan nilai $p = 0.002$. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_2 yang dibentuk pada aras $p < 0.01$. Hubungan yang positif bermakna jenis perniagaan koperasi kredit akan meningkatkan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Kajian ini mempunyai

keterangan yang mencukupi untuk menjelaskan hubungan antara faktor jenis perniagaan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.

Berdasarkan kepada analisis kajian ini secara lebih terperinci, didapati bahawa jenis perniagaan kredit lebih dominan meningkatkan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi berbanding dengan jenis perniagaan lain. Ini berkemungkinan bahawa koperasi kredit lebih berminat untuk melaporkan lebih maklumat disebabkan oleh persaingan yang tinggi dalam kalangan koperasi kredit yang lain. Ini memandangkan jika seseorang anggota telah membuat pinjaman di sesebuah koperasi, anggota tersebut akan terikat dalam jangkamasa yang lama dengan koperasi tersebut sehingga pinjaman tersebut selesai dibayar. Oleh itu, adalah amat penting bagi sesebuah koperasi kredit untuk mendedahkan lebih maklumat kepada bakal peminjam supaya mereka cukup maklumat untuk membuat keputusan berkaitan pinjaman. Pelaporan tahunan boleh menjadi alat yang baik untuk mempromosi perkhidmatan pinjaman kepada anggota dan bakal anggota. Koperasi juga mendapatkan dana untuk pinjaman daripada pemberi dana yang lain seperti Bank Rakyat dan SKM. Oleh itu, pendedahan maklumat yang lebih terperinci dalam laporan tahunannya akan lebih memberikan keyakinan kepada kedua-dua pemberi dana tersebut untuk memberikan dana kepada koperasi-koperasi yang mempunyai laporan tahunan yang lebih berkualiti.

Hasil Analisis Regresi Multivariat Hierarki

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis regresi multivariat hierarki dan ringkasan model bagi kesan hubungan pembolehubah penyederhana pakar industri terhadap hubungan antara ciri-ciri koperasi dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.

Jadual 2 : Keputusan Analisis Regresi Multivariat Hierarki (KUALITI)

Pembolehubah	B	Statistik-t	Nilai P
Malar		147.518	0.000
(H ₃) SaizXPI	-0.332	-0.907	0.367
(H ₃) JNiagaXPI	0.304	2.195	0.031*
Ringkasan Model :			
R ²	0.180		
R ² Terlaras	0.126		
Statistik F	3.326		
F Sig	0.005		
Sampel	98		

* tahap keyakinan pada 0.05, 2 hujung

Jadual 2 di atas menunjukkan hasil ujian regresi hierarki multivariat. Model regresi yang diuji adalah signifikan pada nilai $R^2 = 0.180$, R^2 terlaras = 0.126, $F = 3.326$ dan signifikan = 0.005. Merujuk kepada nilai R^2 , didapati bahawa pembolehubah bebas dalam model tersebut dapat menerangkan 18 peratus variasi dalam kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa pakar industri sebagai faktor penyederhana berjaya mempengaruhi hubungan antara jenis perniagaan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi pada tahap $p < 0.05$ dengan nilai beta 0.304. Pakar industri tidak mempengaruhi

hubungan pembolehubah bebas lain iaitu saiz dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.

Hubungan Pakar Industri dengan Ciri-Ciri Koperasi (Saiz dan Jenis perniagaan) dan Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi

Seksyen ini akan membincangkan hasil analisis kajian berkaitan kesan faktor penyederhana (moderator) pakar industri terhadap hubungan di antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hipotesis kajian adalah seperti di bawah :

Hipotesis 3: *Hubungan antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi akan lebih signifikan apabila juruaudit luar adalah pakar industri.*

Kajian ini menjangkakan pakar industri yang diwakili oleh juruaudit luar sebagai faktor penyederhana terhadap hubungan di antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Hipotesis kajian ini mengandaikan bahawa hubungan di antara ciri-ciri (saiz dan jenis perniagaan) koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi akan lebih signifikan apabila juruaudit luar adalah seorang pakar industri (H_3). Ini bermakna apabila sesebuah koperasi yang diaudit oleh juruaudit luar yang hanya mengkhusus dalam pengauditan koperasi sahaja tanpa terlibat dalam pengauditan laporan kewangan syarikat dan dengan gandingan bersama-sama ciri-ciri koperasi, adalah dijangka mempunyai kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi yang lebih tinggi berbanding dengan koperasi yang diaudit oleh juruaudit luar yang bukan pakar industri.

Keputusan analisis bagi faktor penyederhana pakar industri (PI) ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Pakar industri mempengaruhi hubungan antara satu ciri-ciri koperasi iaitu jenis perniagaan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Oleh itu keputusan ini menyokong hipotesis H_3 yang dibentuk untuk satu daripada ciri-ciri koperasi tersebut.

Dalam sektor koperasi, juruaudit bertauliah koperasi juga memberikan khidmat penyediaan laporan tahunan kepada koperasi-koperasi yang tiada pegawai akaun sendiri. Oleh itu, jika juruaudit bertauliah koperasi terlibat dalam proses penyediaan laporan tahunan, kepakaran mereka boleh memberi kesan yang lebih baik kepada kualiti pelaporan tahunan koperasi tersebut.

Faktor jenis perniagaan sudah menjadi fokus kepada kepakaran juruaudit, oleh itu faktor ini memang telah dijangka akan memberikan keputusan yang signifikan. Juruaudit yang pakar industri akan mempunyai pengetahuan yang lebih baik untuk setiap industri yang disertai oleh koperasi berbanding dengan juruaudit yang bukan pakar industri. Pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi oleh juruaudit adalah daripada latihan dan pengalaman hanya tertumpu dalam industri tertentu (Sun & Liu, 2011). Pengkhususan industri firma audit memudahkan perpindahan ilmu pengetahuan dan teknologi dari satu klien kepada klien lain dalam industri yang sama, oleh itu firma audit dapat menyediakan kualiti audit yang lebih tinggi daripada bukan pakar industri (Nor Asyiqin et al., 2010). Juruaudit luar yang mempunyai pakar industri

melabur masa dan sumber kewangan (Habib & Bhuiyan, 2011) untuk melatih kakitangan agar fokus dalam industri yang khusus bagi meningkatkan kualiti audit dan pelaporan kewangan Lim, Tan, & Cheng (2010).

Keputusan analisis kajian ini adalah tidak selaras dengan kajian oleh Lim et al. (2010) yang menjadikan kepakaran juruaudit luar sebagai faktor penyederhana kepada hubungan di antara gabungan jangkamasa perlantikan juruaudit dan fee audit yang berhubungan dengan kualiti audit di dalam kajiannya. Juruaudit luar sebagai pemeriksa terakhir sebelum laporan tahunan teraudit koperasi diterbitkan adalah terlibat secara langsung di dalam proses penyediaan laporan tahunan koperasi yang berkualiti. Oleh itu kajian oleh Lim et al. (2010) ini adalah antara kajian yang boleh membuktikan bahawa faktor juruaudit luar yang mempunyai pakar industri sesuai diuji sebagai faktor penyederhana di dalam kajian empirikal seperti kajian ini walaupun keputusan kajiannya memperoleh keputusan tidak signifikan.

Kesimpulan Dan Cadangan

Analisis Regresi Multivariat: Kualiti Pelaporan Kewangan Tahunan Koperasi

Keputusan analisis mutivariat seksyen ini adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang pertama iaitu untuk mengkaji perhubungan antara ciri-ciri koperasi (saiz dan jenis perniagaan) dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia. Keputusan analisis ini juga menjawab dua hipotesis (H_1 dan H_2) yang dibentuk berdasarkan kepada persoalan dan objektif yang pertama. Keputusan analisis regresi bagi kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi sebagai pembolehubah bersandar dan ciri-ciri koperasi sebagai pembolehubah bebas dipaparkan di Jadual 1. Dari keputusan analisis tersebut, didapati kedua-dua pembolehubah bebas ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi iaitu saiz koperasi dan jenis perniagaan.

Justeru dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri koperasi merupakan elemen penting yang memberi pengaruh ke atas kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.

Analisis Regresi Multivariat Hierarki

Keputusan analisis regresi mutivariat hierarki seksyen ini adalah untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang kedua iaitu untuk menentukan sama ada pakar industri boleh menjadi faktor penyederhana antara hubungan ciri-ciri koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia. Keputusan analisis ini juga menjawab satu hipotesis (H_3) yang dibentuk di dalam persoalan dan objektif yang kedua. Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis kesan faktor penyederhana antara hubungan ciri-ciri koperasi dengan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.

Keputusan analisa menunjukkan pembolehubah pakar industri boleh menjadi faktor penyederhana terhadap satu hubungan di atas iaitu pembolehubah jenis perniagaan. Ini menunjukkan peranan pakar industri adalah antara elemen utama dalam pencapaian terbaik kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya mengambil sampel koperasi bersaiz besar sahaja yang berdaftar dengan SKM dan mengabaikan koperasi bersaiz mikro, kecil atau sederhana kerana data mereka adalah sukar untuk dikumpulkan. Perbandingan kumpulan koperasi yang berlainan saiz juga penting untuk tujuan mengkaji perbezaan berkaitan strategi dan polisi pelaporan tahunan koperasi.

Limitasi utama kajian ini adalah sumber data terdiri daripada sumber sekunder iaitu laporan tahunan koperasi-koperasi sahaja. Sumber primer adalah penting untuk dianalisa memandangkan pendapat pihak-pihak berkepentingan berkenaan pendedahan maklumat mandatori dan sukarela boleh memberi kesan yang signifikan. Oleh kerana ketersediaan data yang terhad, kami menghadkan analisis kajian ini kepada dua faktor ciri-ciri koperasi iaitu saiz dan jenis perniagaan dan faktor penyederhana pakar industri.

Cadangan Kajian Masa Hadapan

Dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat menjawab persoalan tentang kedudukan kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi di Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Oleh itu, kajian lanjutan perlu dilakukan pada masa hadapan dengan memasukkan faktor-faktor lain seperti ciri-ciri tadbir urus, peranan jawatankuasa audit dalaman dan pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) sebagai pembolehubah dalam model kajian. Faktor-faktor ini tidak dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini kerana limitasi masa dan kos semasa kajian ini dilaksanakan. Faktor-faktor ini seharusnya dikaji memandangkan ianya merupakan faktor-faktor penting yang dijangka boleh mempengaruhi kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi.

Sampel kajian perlu diperluaskan kepada semua kategori saiz koperasi, tidak terhad kepada koperasi bersaiz besar sahaja supaya perbandingan dapat dibuat secara menyeluruh terhadap kualiti pelaporan kewangan tahunan koperasi. Tafsiran koperasi bersaiz besar juga perlu diperluaskan dan tidak hanya terhad kepada perolehan tahunan sesebuah koperasi sebagai ukuran saiz sama ada besar, sederhana, kecil dan mikro.

Kajian ini menggunakan data kuantitatif sahaja yang diperolehi daripada laporan tahunan koperasi. Kajian akan datang perlu memasukkan atau mengambilkira data kualitatif untuk menyokong keputusan analisis data kuantitatif supaya kesan menyeluruh dapat diketahui. Selain itu juga, kajian berbentuk kajian kes juga boleh membantu menguatkan dan menyokong keputusan kajian kuantitatif kajian ini.

Rujukan

- Adina, P., & Ion, P. (2008). Aspects Regarding Corporate Mandatory and Voluntary Disclosure. *Annals of the University of Oradea, Economic Science Series*, 17, 1407–1411.
- Agboola, A. A., & Salawu, M. K. (2012). The Determinants of Internet Financial Reporting : Empirical Evidence from Nigeria. *Research Journal of Finance and Accounting*, 3(11), 95–106.

- Ahmet, A., & Serife, O. (2007). Voluntary Disclosure in Turkey : A Study on Firms Listed in Istanbul Stock Exchange (ISE). *Problems and Perspectives in Management*, 5(3), 241–251.
- Ailwan, B. M., Katrib, D. I., & Samara, A. I. (2013). The Efficiency of Disclosure in the Financial Reports in Companies in the Presence of International Accounting Standards and its Effect on Achieving Profits , Success , and Being Unique. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(17), 174–183.
- Akhtaruddin, M. (2005). Corporate Mandatory Disclosure Practices in Bangladesh. *The International Journal of Accounting*, 40(4), 399–422. <https://doi.org/10.1016/j.intacc.2005.09.007>
- Al-Mansour, A. Y. M. (2009). *Determinants of Internet Financial Reporting: An Empirical Investigation on UAE Public Listed Companies*.
- Alsaeed, K. (2006). The Association Between Firm-Specific Characteristics and Disclosure: The Case of Saudi Arabia. *Managerial Auditing Journal*, 21(5), 476–496.
- Al-shammari, B. (2005). *Compliance With International Accounting Standards by Listed Companies in the Gulf Co-Operation Council Member States*.
- Al-Shammari, B., Brown, P., & Tarca, A. (2008). An Investigation of Compliance with International Accounting Standards by Listed Companies in the Gulf Co-Operation Council Member States. *The International Journal of Accounting*, 43(4), 425–447. <https://doi.org/10.1016/j.intacc.2008.09.003>
- Ball, R., Jayaraman, S., & Shivakumar, L. (2012). Audited Financial Reporting and Voluntary Disclosure as Complements : A Test of the Confirmation Hypothesis. *Journal of Accounting and Economics*. <http://ssrn.com/abstract=1626195>
- Balsam, S., Krishnan, J., & Yang, J. S. (2003). Auditor Industry Specialisation And Earnings Quality. *Auditing: A Journal of Practice and Theory*, 22(2), 71–97. <https://doi.org/10.2308/aud.2003.22.2.71>
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research : Conceptual , Strategic , and Statistical Considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173–1182.
- Barth, M. E., Landsman, W. R., & Lang, M. H. (2007). International Accounting Standards and Accounting Quality. *Stanford University Graduate School of Business Research Paper No. 1976.*, 1976, 1–52. <https://doi.org/10.1080/01933928108411685>
- Basuony, M. A. K., & Mohamed, E. K. A. (2014). Determinants of Internet Financial Disclosure in GCC Countries. *Asian Journal of Finance & Accounting*, 6(1), 70–89. <https://doi.org/10.5296/ajfa.v6i1.5085>
- Beest, F. Van, Braam, G., & Boelens, S. (2009). Quality of Financial Reporting : Measuring Qualitative Characteristics. In *NiCE Working Paper 09-108* (Issue April). <http://www.ru.nl/nice/workingpapers>
- Bell, T. B., Peecher, M. E., & Solomon, I. (2005). *The 21st Century Public Company Audit*.
- Bozzolan, S., Favotto, F., & Ricceri, F. (2003). Italian Annual Intellectual Capital Disclosure : An Empirical Analysis. *Journal of Intellectual Capital*, 4(4), 543–558.
- Chen, F., Hope, O. K., Li, Q., & Wang, X. (2011). Financial Reporting Quality and Investment Efficiency of Private Firms in Emerging Markets. *The Accounting Review*, 86(4), 1255–1288. <https://doi.org/10.2308/accr-10040>

- Cohen, J., Krishnamoorthy, G., & Wright, A. (2004). The Corporate Governance Mosaic and Financial Reporting Quality. *Journal of Accounting Literature*, 87–152.
- Coombs, H. M., & Mohamad, T. (1998). Developing a Disclosure Index for Local Authority Published Accounts - A Comparative Study of Local Authority Published Financial Reports Between the UK and Malaysia. *Asian Pacific Interdisciplinary Research in Accounting Conference*.
- Craig, R., & Diga, J. (1998). Corporate Accounting Disclosure in ASEAN. *Journal of International Financial Management and Accounting*, 9(3), 246–274. <https://doi.org/10.1111/1467-646X.00039>
- El-Gazzar, S. M., Finn, P. M., & Jacob, R. (1999). An Empirical Investigation of Multinational Firms' Compliance with International Accounting Standards. *The International Journal of Accounting*, 34(2), 239–248. [https://doi.org/10.1016/S0020-7063\(99\)00005-9](https://doi.org/10.1016/S0020-7063(99)00005-9)
- Engku Ismail, E. A. (2010). *Hubungan Antara Sifat Organisasi dan Tadbir Urus Kerajaan dengan Kualiti Penyata Kewangan Kerajaan Tempatan di Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Ezat, A., & El-Masry, A. (2008). The Impact of Corporate Governance on the Timeliness of Corporate Internet Reporting by Egyptian Listed Companies. *Managerial Finance*, 34(12), 848–867. <https://doi.org/10.1108/03074350810915815>
- Galani, D., Alexandridis, A., & Stavropoulos, A. (2011). The Association between the Firm Characteristics and Corporate Mandatory Disclosure the Case of Greece. *International Scholarly and Scientific Research & Innovation*, 5(5), 286–292.
- Giannarakis, G. (2014). The Determinants Influencing the Extent of CSR Disclosure. *International Journal of Law and Management*, 56(5), 393–416.
- Glaum, M., & Street, D. L. (2003). Compliance with the Disclosure Requirements of Germany's New Market: IAS Versus US GAAP. *Journal of International Financial Management and Accounting*, 14(1), 64–100. <https://doi.org/10.1111/1467-646X.00090>
- Habib, A., & Bhuiyan, M. B. U. (2011). Audit Firm Industry Specialization and the Audit Report Lag. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 20(1), 32–44. <https://doi.org/10.1016/j.intaccudtax.2010.12.004>
- Haniffa, R. M., & Cooke, T. E. (2002). Culture, Corporate Governance and Disclosure in Malaysian Corporations. *ABACUS*, 38(3), 317–349. <https://doi.org/10.1111/1467-6281.00112>
- Hasan, M. T., & Hosain, M. Z. (2015). Corporate Mandatory and Voluntary Disclosure Practices in Bangladesh : Evidence from Listed Companies of Dhaka Stock Exchange. *Research Journal of Finance and Accounting*, 6(12), 14–32.
- He, L.-J. (2015). Auditor Industry Specialization, Audit Experience and Accounting Restatement. *International Business Management*, 9(7), 1686–1697.
- Hermalin, B. E., & Weisbach, M. S. (2012). Information Disclosure and Corporate Governance. *The Journal of Finance*, 67(1), 195–233. <https://doi.org/10.1111/j.1540-6261.2011.01710.x>
- Hopkins, J. J., Maydew, E. L., & Venkatachalam, M. (2014). Corporate General Counsel and Financial Reporting Quality. *Management Science*, 61(1).

- Hussein, A., Yazis, M., & Faizal, K. (2015). An Exploratory Study on Voluntary Disclosure and Interim Financial Reporting in Jordan. *International Journal of Application or Innovation in Engineering & Management*, 4(5), 55–60.
- Ismail, T. H. (2002). *An Empirical Investigation of Factors Influencing Voluntary Disclosure of Financial Information on the Internet in the GCC Countries An Empirical Investigation of Factors Influencing Voluntary Disclosure of Financial Information on the Internet in the GCC* (Issue July).
- Jensen, M. C., & Meckling, W. H. (1976). Theory of the Firm: Managerial Behavior, Agency Costs and Ownership Structure. *Journal of Financial Economics*, 3(4), 305–360. [https://doi.org/10.1016/0304-405X\(76\)90026-X](https://doi.org/10.1016/0304-405X(76)90026-X)
- Krishnan, G. V. (2003). Does Big 6 Audit Industry Expertize Constrain Earnings Management? *Accounting Horizons*, 17, 1–16. <https://doi.org/10.2308/acch.2003.17.s-1.1>
- Ku Ismail, K. N. I., & Abdullah, S. N. (1999). Accounting Standards Compliance and Comparability of Measurement Practices : The Case of Malaysian General Insurers. *Malaysian Management Journal*, 3(2), 31–47.
- Larran, M., & Giner, B. (2002). The Use of the Internet for Corporate Reporting by Spanish Companies. *The International Journal of Digital Accounting Research*, 2(1), 53–82.
- Lily Marlina, A. M., & Takiah, M. I. (2003). Kualiti Pelaporan Maklumat Syarikat-Syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur. *Jurnal Pengurusan*, 22, 27–45.
- Lim, C. Y., Tan, H.-T., & Cheng, Q. (2010). Does Auditor Tenure Improve Audit Quality? Moderating Effects of Industry Specialization and Fee Dependence *. *Contemporary Accounting Research*, 27(3), 923–957. <https://doi.org/10.1111/j.1911-3846.2010.01031.x>
- Madawaki, A. (2012). *Quality: Evidence From Nigerian Listed Companies* (Issue May). Universiti Utara Malaysia.
- Marston, C. (2003). Financial reporting on the Internet by leading Japanese companies. *Corporate Communications: An International Journal*, 8(1), 23–34. <https://doi.org/10.1108/13563280310458894>
- Milne, M. J., & Adler, R. W. (1999). Exploring the Reliability of Social and Environmental Disclosures Content Analysis. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 12(2), 237–256.
- Mohamed Aly, D. A. E. R. (2008). *Assessing the Development of Voluntary Internet Financial Reporting and Disclosure in Egypt*.
- Mohd Noor Azli, A. K., Fen, C. L., & Teng, T. W. (2006). Pendedahan Maklumat Kewangan Menerusi Internet: Praktis Dan Hubungannya Dengan Penentu Syarikat. *Jurnal Kemanusiaan*, 7.
- Nor Asyiqin, A., Zuraidah, M. S., & Takiah, M. I. (2010). Financial Reporting Quality of Cooperatives in Malaysia : The Compliance Issue. *22nd Asian-Pacific Conference on International Accounting Issues*, 1–16.
- Norhayati, A. (2011). *Mandatory Disclosure of Interim Reporting by Malaysian Companies*. Lincoln University, New Zealand.
- Owusu-ansah, S. (1998). The Impact of Corporate Attributes on the Extent of Mandatory Disclosure and Reporting by Listed Companies in Zimbabwe. *The International Journal of Accounting*, 33(5), 605–631.

- Owusu-ansah, S. (2005). Factors Influencing Corporate Compliance with Financial Reporting Requirements in New Zealand. *International Journal of Commerce and Management*, 15(2), 141–157.
- Popova, T., Georgakopoulos, G., Sotiropoulos, I., & Vasileiou, K. Z. (2013). Mandatory Disclosure and Its Impact on the Company Value. *International Business Research*, 6(5), 1–16. <https://doi.org/10.5539/ibr.v6n5p1>
- Sejjaaka, S. (2004). *A Process Based Model of Corporate Mandatory Disclosure*. December, 1–25. <http://www.mubs.ac.ug/research/files/journals/1/articles/5/public/5-79-1-PB.pdf>
- SKM, S. K. M. (2012). *Laporan Tahunan SKM 2011*.
- Solomon, I., Shields, M. D., & Whittington, O. R. (1999). What Do Industry-Specialist Auditors Know? *Journal of Accounting Research*, 37(1), 191–208. <https://doi.org/10.2307/2491403>
- Street, D. L., & Gray, S. J. (2002). Factors Influencing the Extent of Corporate Compliance with International Accounting Standards : Summary of a Research Monograph. *Journal of International Accounting, Auditing & Taxation*, 11, 51–76.
- Sun, J., & Liu, G. (2011). Industry Specialist Auditors, Outsider Directors and Financial Analysts. *Journal of Accounting and Public Policy*, 30(4), 367–382.
- Tsalavoutas, I., Evans, L., & Smith, M. (2010). Comparison of Two Methods for Measuring Compliance with IFRS Mandatory Disclosure Requirements. *Journal of Applied Accounting Research*, 11(3), 213–228. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1108/09675421011088143>
- Yeoh, J. (2005). Compliance with Mandatory Disclosure Requirements by New Zealand Listed Companies. *Advances in International Accounting*, 18(05), 245–262. [https://doi.org/10.1016/S0897-3660\(05\)18012-X](https://doi.org/10.1016/S0897-3660(05)18012-X)
- Yousef Al-Tahat, S. S. (2010). *The Timeliness and Extent of Disclosure of Corporate Interim Financial Reporting in Jordan*.
- Zainab, A., Teh Suhaila, T., & Sarifah, I. (2014). Peranan Tadbir Urus Korporat Dalam Mempengaruhi Pelaporan Kewangan Sukarela di Internet Oleh Syarikat Milik Keluarga di Malaysia. *Conference on Management and Muamalah*, 201–217.
- Zikmund, W. G. (2003). *Business Research Methods* (7th ed.). South Western : Thomson Learning.